

Kerjasama ekonomi ASEAN

# BIDANG BUATAN PUNYAI SKOP PALING BAIK—PM

1 DEC 1985

**K**UALA LUMPUR 30 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata bidang pembuatan adalah lapangan yang mempunyai skop paling baik lagi kerjasama ASEAN.

“Adalah agak ternyata bahawa kita tidak boleh berusaha melengkapkan keperluan masing-masing dalam penanaman getah atau kelapa sawit atau perlombongan timah.

“Tetapi dalam perindustrian, kita mempunyai skop amat besar bagi usaha saling lengkap-melengkapkan,” ujarnya semasa berucap di persidangan ketujuh Dewan Perniagaan dan Perusahaan ASEAN di sini pagi ini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, ASEAN bukan sahaja boleh memperuntukkan industri-industri tertentu untuk negara-negara anggota tertentu tetapi juga boleh membahagikan pengeluaran komponen sesebuah industri supaya setiap negara dapat melengkapkan keperluan industri negara masing-masing.

Beliau mengambil contoh bidang pengeluaran kereta yang sedang diusahakan di Malaysia.

Katanya, komponen-komponen kereta boleh dikeluarkan di enam buah negara ASEAN yang berlainan untuk memenuhi keperluan seluruh pasaran ASEAN.

Pemasangan kereta pula boleh dilakukan di negara di mana kereta itu akan dipasarkan.

“Apabila pasaran bertambah besar berikutan dengan proses perindustrian setiap negara bolehlah mengeluarkan semua komponen yang diperlukan,” terangnya.

## Keutamaan

Bagaimanapun, bagi negara-negara yang terlalu kecil untuk membolehkannya mempunyai sebuah industri kereta yang sepenuhnya, beberapa komponen tertentu masih boleh dikeluarkan, katanya.

Beliau menarik perhatian kepada hakikat bahawa semua syarikat pengeluar kereta yang terbesar mendapatkan komponen mereka daripada pembekal-pembekal bukan sahaja di dalam negeri tetapi di luar negeri.

Menyentuh tentang industri kereta Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan, hakikat bahawa Malaysia mempunyai industri keretanya sendiri tidak bermakna bahawa Malaysia telah meninggalkan konsep saling lengkap-melengkap ASEAN.

Katanya, Malaysia percaya masih terdapat ruang dan peluang untuk mengamalkan konsep itu dalam industri kereta Malaysia.

Tambahnya, terdapat juga banyak peluang untuk mengamalkan konsep itu dalam industri-industri lain.

Beliau juga berpendapat bahawa kerajaan-kerajaan ASEAN perlu meneliti dengan lebih dekat lagi strategi dan keutamaan yang harus diberikan dalam kerjasama ekonominya.

Dengan kemelesetan ekonomi yang berpanjangan serta kekacauan dalam sistem kewangan dan perdagangan dunia, adalah amat mustahak bagi ASEAN membentuk satu komitmen teguh bagi bekerjasama dalam ekonomi.